

# Banjir: Kerajaan rugi RM1.5b

## TPM umum kadar bantuan ihsan sektor pertanian RM573 sehektar

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kerajaan menanggung kerugian RM1.5 bilion akibat dua 'gelombang' banjir terutama di Johor, sejak pertengahan bulan lalu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Anggaran itu tidak termasuk kerugian peribadi dan sektor komersial serta yang ditanggung syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Telekom dan Tenaga Nasional Berhad.

"Kerugian RM1.5 bilion itu hanya membabitkan akaun kerajaan merangkumi kos pemulihan dan kerosakan serta bantuan kepada mangsa banjir," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat, semalam.

Najib berkata, sejumlah RM350 ju-

ta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk membaiki pulih jalan, jambatan dan kemudahan awam, manakala RM137 juta lagi bagi membaiki jalan luar bandar yang dikendalikan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kementerian Pelajaran pula memerlukan RM102 juta untuk membaiki bangunan dan peralatan sekolah.

"Bagi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), anggaran awal (kerosakan) sudah dibuat tetapi jawatankuasa mengarahkan ia diperhalusi dengan mengambil kira tindakan membaiki pulih sungai dan longkang.

"Kemungkinan ini memerlukan perbelanjaan agak besar untuk dilaksanakan serta-merta. Ini termasuk tindakan yang boleh memberi kesan jangka masa sederhana dan panjang yang perlu diambil segera," katanya.

Beliau turut mengumumkan jenis

dan kadar bantuan ihsan bagi sektor pertanian yang terjejas akibat banjir. Antaranya, bantuan RM573 setiap hektar bagi penanaman semula padi dan RM700 bagi setiap seekor lembu pada kadar maksimum 10 ekor.

Selain itu, waris mangsa yang terkorban menerima bantuan ihsan RM5,000 bagi setiap kematian.

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan semua bantuan yang dijanjikan akan dihulurkan segera kepada pihak terbabit.

"Tidak ada tempoh ditetapkan tapi kita akan cuba bertindak seberapa segera... semua janji akan ditunaikan," katanya.

Mengikut rekod jawatankuasa itu, 148,000 mangsa terbabit dalam banjir pertama manakala 134,000 mangsa lagi pada banjir kedua.

Najib berkata, Syarikat Perumahan Negara (SPN) juga akan mem-

### FAKTA NOMBOR

Agihan peruntukan

**RM350j**

Untuk JKR

**RM137j**

Untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

**RM102j**

Untuk Kementerian Pelajaran

bina semula semua 45 rumah yang musnah akibat bencana itu, sama ada di tapak asal atau tanah yang dimiliki mangsa berkenaan.

"Butiran mengenainya sedang ditentukan. Kerajaan akan beri sumbangan kerana kita sudah ada dana yang disumbangkan orang ramai dan badan korporat.

Beliau berkata, bantuan maksimum RM3,000 pula disalurkan bagi membiayai kos membaiki rumah yang rosak. Kerajaan juga menetapkan mangsa yang berpindah pada banjir pertama, menerima RM200 setiap keluarga.

"Mereka yang tidak berpindah tetapi disahkan mengalami banjir turut menerima RM200. Bagi mangsa yang kena gelombang kedua, mereka akan dapat RM200 lagi.